


6 MEI 2021

**BULETIN**

**Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN SHAH ALAM**



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam telah menganjurkan Program World #QURANHOUR Peringkat PTAR yang diadakan secara bersemuka dan atas talian menggunakan platform Google Meet. Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tazkirah PTAR seterusnya bacaan Surah Al-Mulk telah dipimpin oleh Ustaz Dr. Azri Bhari (Pensyarah Kanan ACIS). Turut hadir, YBrs. Ts. Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan dan Pengurusan Kanan serta warga PTAR UiTM Shah Alam. Ustaz Dr. Azri Bhari turut mengupas lebih lanjut mengenai Surah Al-Mulk. Semoga perkongsian ilmu kali ini dapat memberi manfaat kepada para peserta.

Ayat pertama surah Al-Mulk ini dimulai dengan lafaz ‘tabaraka’ (daripada perkataan ‘baraka’) yang disandarkan kepada Allah. Ia bermaksud membesar dan meninggikan zat Allah mengatasi selainNya. Dialah Tuhan Yang Maha Berkah di mana keberkatan atau kebaikan-Nya sangat banyak, semakin bertambah sehingga melimpah ruah dan juga berkekalan.

Ayat ini juga menjelaskan bahawa Allah SWT memiliki segala keberkatan dan kebaikan kerana Dialah yang memegang dan menguasai seluruh kerajaan dan pemerintahan di langit dan bumi, dari dunia hingga akhirat. Allah adalah raja, penguasa dan pemerintah yang mengatur, mengurus, memakmurkan dan menjaga kelangsungan alam ini. Seluruh kerajaan dan pemerintahan itu adalah hak eksklusif Allah SWT sahaja dan tiada siapa yang memiliki selain Allah.

**SELF MOTIVATION | SURAH AL-MULK**  
(Kingdom) 67th Surah, 30 verses, Makkiyah

**6 QUESTIONS**

- 67:16 What happens if Allah SWT shakes earth, turn it upside down and bury us ?
- 67:17-18 Allah SWT sent storms, hailstones against the previous ummah, do we take heed ?
- 67:19 Who keeps a bird that is flying in the air from falling ?
- 67:20 Who will be the rescue army helping us other than Allah SWT ?
- 67:21 Who can give us sustenance if Allah SWT withdraws His sustenance ?
- 67:22 Who can give us a clue or misled us ?

**6 ANSWERS**

- 67:30 The smallest immersion is the disappearance of water swallowed by the earth, no one but Allah SWT can bring it back.
- 67:29 Allah is the Most Merciful, we believe and surrender to Him, always pray for guidance so as not to be punished.
- 67:28 Allah SWT gives mercy to His creatures, also the believers and punishes the disbelievers.
- 67: 26-27 The knowledge of doomsday and everything is only with Allah SWT, including those who is saved or perish later.
- 67: 24-25 Allah SWT expends offspring and sustenance of every creature on earth, so do not be arrogant.
- 67:23 Use your hearing, sight and heart to be grateful, seek Hidayah and guidance from Allah SWT.

**Motivation 1 - Blessings**  
Ensure we have His blessings in our practice and employment.

**Motivation 2 - Remember Death**  
Improve quality and productivity and make doa to always be ready to die at any moment.

**Motivation 3 - Ahsanu 'Amala**  
Become a professional Muslim with the ambition and direction of getting better every day.

Penghujung ayat ini menjelaskan kesempurnaan kuasa Allah di mana Dia bukan hanya memegang pemerintahan alam ini tetapi Dia juga Maha Menentukan segala sesuatu. Allahlah yang menjadikan semua makhluk dan menetapkan hukum dan peraturan untuk mereka mengikuti kehendakNya. Semoga perkongsian ilmu ini memberi manfaat kepada semua para peserta.

